

05 MAY 1996

Anwar-serenti

PELATIH PUSAT SERENTI PERLU BUKTIKAN KEMAMPUAN UNTUK PULIH

BUTTERWORTH, 5 Mei (Bernama) -- Pelatih di pusat-pusat serenti perlu membuktikan mereka mampu untuk berjaya dalam kehidupan memandangkan terbukti orang yang melakukan kesilapan yang lebih besar telah berjaya atas kesedarannya sendiri, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Kejayaan dalam hidup boleh dicapai oleh para pelatih dan jawapannya ada di dalam diri mereka sama ada mahu atau tidak (untuk membetulkan kesilapan masa lalu), katanya ketika berucap pada majlis lawatan di Pusat Serenti Bukit Mertajam di sini hari ini.

Anwar berkata beliau masih menaruh harapan pelatih pusat serenti dapat memulihkan diri mereka.

Sambil memberikan contoh Malcolm X atau dikenali sebagai Imam Syahid Abdul Malik Al-Syabash, bekas perompak dan pengedar dadah kulit hitam di Amerika Syarikat yang menjadi pemimpin terkemuka kaumnya, beliau berkata atas keimanan dan ketekunannya, Malcolm berjaya dalam kehidupannya dan usaha gigih beliau perlu dicontohi.

Beliau berkata para pelatih perlu sedar mereka ada kekuatan dan maruah sebagai bangsa sebuah negara merdeka yang perlu dipertahankan.

"Esok Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7) dan ada satu bab penting yang akan ditekankannya," katanya.

Bagaimanapun, apa ertinya RMK-7, pembangunan, perindustrian, program pendidikan dan kesihatan bagi ratusan ribu orang yang terlibat dalam masalah penagihan, kata Anwar.

Beliau berkata masalah dadah di negara ini adalah satu perkara yang serius dan kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM517 juta antara 1984 hingga tahun lepas bagi program pemulihan.

Jika kerajaan tidak peka dengan masalah itu, wang itu boleh dibelanjakan bagi membina universiti, puluhan sekolah menengah dan masjid, katanya.

Sehubungan itu, Anwar mengajak pelatih pusat serenti menyelesaikan masalah mereka sendiri kerana peluang itu terbuka luas sebelum mereka memikirkan soal keluarga masing-masing.

"InsyaAllah, mereka berpotensi untuk membaiki kesilapan mereka," katanya.

Anwar kemudian menyampaikan watakah perlantikan kepada 14 anggota pelawat pusat berkenaan sebelum melawat bengkel kerja tangan pelatih di pusat itu. -- BERNAMA

NH AKD